

Buletin MOT

Edisi 5 · Mei 2019



Pandu Cermat, Sampai Selamat

Bagi memastikan kadar kemalangan dan kematian semakin menurun, Kementerian Pengangkutan akan meneruskan dasar tiada sebarang tawaran diskau ke atas mana-mana notis kompaun yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi kesalahan lalu lintas sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.



Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook menyempurnakan gimik pelancaran Ops Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya bersempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2019

Antara kesalahan lalu lintas yang sering dilakukan oleh pengguna jalan raya adalah seperti:

1. Tidak mematuhi lampu isyarat lalu lintas
2. Memotong di garisan berkembar
3. Menggunakan telefon bimbit semasa memandu
4. Memotong barisan
5. Tidak memakai tali pinggang keledar
6. Memandu di lorong kanan secara berterusan
7. Memandu di lorong kecemasan

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) telah melancarkan Ops Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya bersempena dengan Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2019 yang bertujuan meningkatkan kesedaran pengguna mengenai keselamatan jalan raya terutama pada musim perayaan. Kempen pada tahun ini merangkumi 4 program utama iaitu program pendidikan, penguatkuasaan, pencegahan bersekali dengan pemantauan dan penilaian.

Kempen yang bertemakan "Pandu Cermat, Sampai Selamat" ini telah dilancarkan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook pada 26 Mei 2019 di AEON Mall Nilai, Negeri Sembilan. Ops Bersepadu ini bermula pada 29 Mei sehingga 13 Jun 2019. Selain itu, larangan penggunaan jalan raya ke atas kenderaan berat dikuatkuasakan oleh JPJ dan PDRM tiga (3) hari sebelum dan dua (2) hari selepas perayaan iaitu pada 1, 2 dan 3 Jun serta 8 dan 9 Jun 2019 bertujuan untuk mengurangkan risiko berlaku kemalangan selain daripada mengelakkan kesesakan lalu lintas.



Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook mengedarkan kerusi keselamatan kanak-kanak dan topi keledar secara percuma kepada orang awam yang hadir di AEON Mall Nilai

Jumlah kemalangan jalan raya		Jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya	
2018	548,598	2017	6,740
2019 * sehingga Mac	133,912	2018	6,284
<i>Jadual A</i>		<i>Jadual B</i>	
2019 * sehingga Mac		2019 * sehingga Mac	1,483

Jadual A dan B : Jumlah kemalangan jalan raya dan jumlah kematian akibat jalan raya menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM)



Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato' Haji Kamarudin Jaffar menyempurnakan Majlis Penyerahan Kenderaan Penguatkuasa JPJ sumbangan PLUS Malaysia Berhad

Majlis Penyerahan Kenderaan Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan oleh PLUS Malaysia Berhad

Sebanyak sepuluh buah kenderaan Honda CR-V telah disumbangkan oleh pihak PLUS Malaysia Berhad kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bertujuan bagi aktiviti penguatkuasaan JPJ di sepanjang lebuhraya di bawah penyeliaan pihak PLUS. Sumbangan ini juga membuktikan komitmen berterusan PLUS sebagai rakan strategik JPJ dan Kementerian Pengangkutan dalam melestarikan keselamatan jalan raya di negara ini.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato' Haji Kamarudin Jaffar di Persada PLUS, Subang Jaya pada 16 Mei 2019 yang turut dihadiri oleh Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad, Datuk Azman Ismail dan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Operasi) JPJ, Tuan Zamakhshari Hanipah.

Pelancaran Aplikasi Mudah Alih ‘FlySmart’ dan Pengumuman Pindaan Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016

Aplikasi mudah alih ‘FlySmart’ merupakan sebuah inisiatif berteraskan pengguna yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Melalui aplikasi ini, pengguna dapat memperolehi maklumat mengenai hak-hak mereka melalui pelbagai platform di bawah ‘FlySmart’ seperti Instagram, Facebook dan laman web ‘FlySmart’. Pengguna juga boleh membuat aduan secara langsung dan menyemak status aduan mereka menggunakan aplikasi ini.



Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato' Haji Kamarudin Jaffar bersama pengurusan tertinggi MAVCOM pada Majlis Pelancaran Aplikasi Mudah Alih ‘FlySmart’

Majlis pelancaran pada 24 Mei 2019 bertempat di Stesen Sentral Kuala Lumpur dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato' Haji Kamarudin Jaffar. Pada majlis yang sama, YB Timbalan Menteri Pengangkutan turut mengumumkan pindaan-pindaan terbaru kepada Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (MACPC) yang mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2019. Dengan pindaan kepada MACPC ini, syarikat penerbangan kini dikehendaki mempamerkan harga muktamad tambang penerbangan di mana syarikat penerbangan wajib menzahirkan harga muktamad bagi tujuan pengiklanan dan sewaktu pembelian tiket. Harga muktamad hendaklah merangkumi tambang asas termasuk semua caj yang perlu dibayar kepada syarikat penerbangan, cukai dan fi yang dikenakan oleh kerajaan, fi dan caj yang ditetapkan di bawah mana-mana undang bertulis serta surcaj bahan api. Selain itu, pembayaran balik tiket penerbangan perlu diremit kepada pengguna penerbangan dalam masa 30 hari dari tarikh permohonan bayaran balik tersebut.

Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Kementerian Pengangkutan

Pada setiap tahun, bersempena bulan Ramadhan, Kementerian Pengangkutan akan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertujuan bagi menyuburkan lagi minat warga Kementerian Pengangkutan untuk membaca Al-Quran dan mengamalkannya di samping untuk menghayati isi kandungan ayat-ayat suci Al-Quran yang boleh memberikan inspirasi dan galakan untuk mendekatkan diri kepada llahi dan menguasai segenap bidang ilmu pengetahuan.



Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman menyampaikan ucapan perasmian Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Kementerian Pengangkutan 2019/1440H

Seramai 190 orang warga Kementerian Pengangkutan telah mengambil bahagian dalam program tadarus Al-Quran kali ini. Dengan penyertaan yang memberangsangkan itu, setiap unit atau bahagian hanya perlu menghabiskan bacaan sebanyak 2 juzuk sahaja.

Majlis Khatam 30 juzuk telah dipimpin oleh Qari dari Mesir iaitu Syeikh Ezzeldin Mohamed Hussein, merupakan seorang pelajar Pasca Siswazah Universiti Islam Antarabangsa dalam bidang kejuruteraan. Program yang berlangsung pada 29 Mei 2019 adalah anjuran Unit Integriti Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Pengurusan Surau Wizaratun Naqli telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman.

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah ditubuhkan pada tahun 2007 sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan sebagai pusat sehenti penjanaan, penghasilan dan penyebaran ilmu serta maklumat keselamatan jalan raya. Hasil kajian yang diperolehi daripada penyelidikan dan program-program intervensi berdasarkan bukti sebagai asas bagi membangunkan strategi, undang-undang, dasar dan langkah-langkah penguatkuasaan baharu terhadap keselamatan jalan raya di peringkat kebangsaan.



Visi MIROS adalah untuk muncul sebagai peneraju dunia dalam penyelidikan keselamatan jalan raya dan misinya pula untuk memupuk sains dan kesenian dalam intervensi keselamatan jalan raya.

Fungsi utama MIROS adalah untuk menjalankan penyelidikan yang menyeluruh ke atas keselamatan jalan raya di samping membantu dalam pembangunan objektif, dasar dan keutamaan nasional bagi pembangunan dan pentadbiran keselamatan jalan raya yang teratur. Selain itu, agensi ini juga berperanan mencadangkan penyelesaian yang praktikal dengan keberkesanan optimum terhadap isu keselamatan jalan raya. MIROS juga berfungsi mengkaji semula piawaian dan hasil pembelajaran kurikulum bagi kursus memandu yang disediakan oleh institusi memandu.

Terlibat secara langsung di dalam penyelidikan, MIROS bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan swasta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

www.miros.gov.my

Tel. : +603 8924 9200 · Faks : +603 8733 2005

Majlis Pelancaran Aplikasi Mudah Alih ‘MyRailtime’

Sebagai menyahut cabaran digital dalam era sumber maklumat yang sentiasa berada di hujung jari, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) memperkenalkan aplikasi mudah alih ‘MyRailtime’ bagi membolehkan penumpang mengetahui maklumat-maklumat penting berkaitan perjalanan tren-tren bermula dengan perkhidmatan KTM Komuter. ‘MyRailtime’ boleh diakses dengan memuat turun aplikasi mudah alih tersebut menerusi telefon pintar. Pengguna boleh menyemak maklumat jadual perjalanan, waktu ketibaan dan pelepasan perkhidmatan KTM Komuter di stesen masing-masing secara ‘real-time’.



Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook menjawab soalan wartawan ketika sidang media selepas Majlis Pelancaran Aplikasi Mudah Alih ‘MyRailtime’ oleh KTMB

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook menyempurnakan Majlis Pelancaran Aplikasi Mudah Alih ‘MyRailtime’ pada 17 Mei 2019 di Stesen Sentral Kuala Lumpur. Dalam ucapannya, YB Menteri Pengangkutan menegaskan bahawa sistem pengangkutan awam merupakan ciri penting yang menjadi penggerak utama kepada pembangunan negara. Perkhidmatan yang cekap dan efisien sudah semestinya memerlukan teknologi dan aplikasi yang terkini bagi membantu rakyat merancang perjalanan mereka dengan lancar. Adalah menjadi hasrat dan aspirasi kerajaan untuk terus meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan awam.



Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook memperkenalkan aplikasi mudah alih ‘MyRailtime’ kepada salah seorang pengguna perkhidmatan KTM Komuter di Stesen Sentral Kuala Lumpur

Tumpuan juga turut diberikan dalam memperluaskan penggunaan sistem digital dalam pengoperasian tren serta penyediaan kemudahan nilai tambah. Antara inisiatif yang telah dilakukan oleh pihak KTMB adalah seperti menyediakan kemudahan wifi di dalam tren Skypark Link dan ETS serta mod pembayaran tanpa tunai bagi KTM Komuter di Lembah Klang.

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook turut berkesempatan meninjau sekitar Stesen Sentral Kuala Lumpur dan mencuba sendiri aplikasi mudah alih ‘MyRailtime’ tersebut. YB Menteri Pengangkutan turut diiringi Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, Encik Mohd Rani Hisham Samsudin.

Salam Aidilfitri

MAAF ZAHIR DAN BATIN

